

PENGALAMAN PEMBELAJARAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI SWASTA NEGERI

(INTERNATIONAL STUDENTS' LEARNING EXPERIENCE AT A STATE PRIVATE
UNIVERSITY)

NAZIR, N. M.¹ – SHUKRI, N. Z. M.¹ – CHEAR, S. L. S.^{1*} – PASMAWATI, Y.²

¹ *Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Selangor, Malaysia.*

² *Fakultas Teknik, Universitas Bina Darma, Kota Palembang, Indonesia.*

**Corresponding author*

e-mail: syedlamsah[at]unisel.edu.my

(Received 20th February 2023; accepted 13th April 2023)

Abstrak. Bidang pendidikan turut terkesan akibat daripada globalisasi. Satu pemerhatian ketara adalah peningkatan mobiliti pelajar antarabangsa. Lantaran itu kajian terhadap identiti pelajar antarabangsa turut mendapat perhatian ramai pengkaji sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Objektif kajian ini adalah untuk menilai pengalaman pelajar antarabangsa. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada Ohio State University dan University of Glasgow. Responden terdiri daripada 29 pelajar di sebuah universiti swasta di negeri Selangor. Majoriti responden didapati berasal daripada negara-negara hemisfera selatan terutamanya Afrika dan Asia Tenggara. Responden telah berada di Malaysia antara satu hingga enam tahun. Program pengajian pilihan adalah bidang teknikal seperti pengkomputeran, kejuruteraan, sains hayat dan matematik serta seni dan rekacipta berbanding bidang sains sosial. Analisis data menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa di universiti swasta negeri adalah agak baik. Skor tinggi diberikan kepada peranan fakulti dan ahli akademik serta peluang membina jaringan profesional. Skor sederhana diberikan kepada perkhidmatan am, kemudahan kokurikulum, permuafakatan dengan pelajar tempatan, perwatakan identiti institusi dan skor sederhana terendah adalah informasi sebelum ketibaan di Malaysia. Tiada korelasi signifikan antara semua konstruk kajian terhadap perwatakan identiti institusi oleh pelajar antarabangsa.

Katakunci: *pengalaman pembelajaran, pelajar antarabangsa, universiti swasta negeri, pengantarabangsaan*

Abstract. Globalization affects the development of the economy, finance, politics, sociology, culture including the classroom educational practices and national education system. One notable observation is on the increased mobility of international students. Therefore, the study of the identity of international students has also gained the attention of local and international researchers in recent years. The objective of this study is to assess the experience of international students at a state-owned private university in Malaysia. Data collection using questionnaires adapted from Ohio State University (2018) and the University of Glasgow (2012). Respondents consisted of twenty-nine international students. Most respondents were from southern hemisphere countries especially Africa and Southeast Asia. Respondents have been in Malaysia for between one and six years. Study programs are technical fields such as computing, engineering, life sciences and mathematics, as well as art and design as compared to social sciences. Analysis of the data shows that the learning experience of international students is quite good. High scores are given to the roles of faculty and academics as well as opportunities to build professional networks. Moderate score is given to general services, co-curricular facilities, engagement with local students, and institutional identity character. The lowest score is recorded for information prior to arrival in Malaysia. There was no significant correlation between all study constructs on the character of the institution's identity of international students.

Keywords: *learning experience, international students, state private university, internalization*

Pengenalan

Gaya hidup masyarakat dan tadbir urus negara-negara di dunia pada hari terdedah kepada pengaruh globalisasi mencakupi aspek ekonomi, kewangan, politik, sosiologi, budaya dan sebagainya. Bidang pendidikan turut terkesan dan salah satu hasil yang timbul akibat kesan globalisasi adalah peningkatan mobiliti pelajar antarabangsa (Levent, 2016). Bagaimanapun kemelut politik global sejak beberapa tahun lalu telah mengubah aliran tradisional mobiliti pelajar yang dahulunya bersifat sehalu khususnya ke Eropah dan Amerika Syarikat (Bista et al., 2018). Kini, walaupun jumlah pelajar antarabangsa semakin meningkat, trend mobiliti pelajar telah menyimpang ke pelbagai arah secara dramatik. Menurut Arora (2019), mobiliti pelajar antarabangsa boleh dikaitkan dengan pendekatan penghijrahan mahir dan penjanaaan pendapatan, walaupun bagi beberapa negara membangun seperti China dan India pendekatan pembinaan kapasiti negara lebih diutamakan. Selain itu di beberapa negara yang dianggap terkehadapan seperti Sweden dan Norway, pemingkaian pendidikan rentas sempadan dan antarabangsa masih memberi tumpuan kepada manfaat pendidikan (Elken et al., 2022). Di negara-negara ini kehadiran pelajar antarabangsa dialu-alukan berasaskan kepada motif untuk meningkatkan persaingan bagi memperbaiki kualiti pendidikan.

Dapatan kajian oleh Munna (2022) terhadap pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa di University of London menarik untuk diketengahkan. Didapati kurikulum global yang baru direka mempunyai kesan yang besar terhadap pembelajaran pelajar yang menjadikan mereka terbaik dan bersedia untuk industri. Menurut Nurhanum et al. (2022), pelajar antarabangsa melihat pengalaman akademik mereka dari pelbagai perspektif berdasarkan peristiwa atau insiden yang berlaku semasa pengajian mereka. Walaupun banyak pihak menjangkakan pelajar antarabangsa akan mengalami lebih banyak peristiwa positif di universiti, tidak ada keraguan bahawa peristiwa negatif juga telah mencipta pengalaman bercampur-campur untuk mereka. Umumnya hidup di luar negara memberi pelbagai peluang untuk belajar di mana kebanyakan pembelajaran adalah tidak formal dan berkaitan dengan pengalaman situasi kehidupan yang tidak dijangka dan kadang-kadang sangat sukar (Nada et al., 2018). Pengalaman dan perubahan diri yang dialami merupakan proses transformatif. Pengalaman dari pembelajaran tidak formal ini mengukuhkan anggapan bahawa kehidupan di luar negara membentuk situasi pembelajaran semula jadi yang luas yang merangsang lebih banyak aspek keperibadian pelajar daripada biasanya disediakan di institusi pendidikan. Menurut Castro et al. (2016), kebanyakan institusi pendidikan khususnya di peringkat tinggi meletakkan pendidikan antarabangsa berasaskan rasional ekonomi. Rasional bagi meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa adalah bertumpu kepada penjanaaan kewangan, manakala perhatian kepada kandungan dan kualiti pembelajaran dan pengalaman antarabangsa tidak ditangani dalam pengajian dan aktiviti di peringkat institusi.

Pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa dapat dijelaskan daripada tiga pendekatan iaitu persepsi diri, teori identiti sosial, dan perspektif pasca strukturalis (Tavares, 2021). Ketiga-tiga pendekatan ini membantu pembinaan identiti pelajar antarabangsa dari segi budaya, sosial, linguistik dan politik masing-masing. Ketiga-tiga perspektif secara koheren mempertimbangkan konteks di mana pelajar antarabangsa akan terpengaruh apabila terdedah dan berinteraksi dengan pengalaman hidup pelajar antarabangsa daripada pelbagai negara lain. Teori persepsi diri menerangkan bagaimana sistem budaya mempengaruhi perkembangan psikologi individu kepada dua mod iaitu individualis dan kolektivistik. Akibatnya, seseorang akan mengalami konflik apabila

berhadapan dengan situasi yang bertentangan dengan personalitinya. Sebaliknya, teori identiti sosial mempertimbangkan bagaimana keahlian kumpulan memberi kesan kepada individu. Keahlian ini, selalunya berdasarkan pengkategorian biasa, masih berbeza dari satu tempat ke satu tempat kerana masyarakat menganggap nilai kepada kategori ini secara berbeza. Perspektif pasca strukturalis pula cenderung memberi tumpuan kepada identiti berbilang dan bersilang individu. Apabila dianalisis dari ketiga-tiga perspektif, pengalaman pelajar menunjukkan bahawa persekitaran pendidikan yang dimiliki oleh pelajar adalah budaya yang tidak fleksibel. Orientasi monokultur mereka kemudiannya dapat dilihat sebagai kekuatan di sebalik pembinaan identiti lain yang tidak boleh wujud secara semula jadi tetapi hanya sebagai akibat daripada budaya institusi yang dominan. Teori-teori ini membantu melihat pembinaan perwatakan diri pelajar antarabangsa daripada sudut yang berbeza.

Deuchar (2022) mencadangkan bahawa tumpuan kepada perkembangan tingkah laku pelajar antarabangsa adalah kepada aspek sumbangan yang mereka boleh berikan terhadap isu-isu pendidikan tinggi, termasuk aktiviti di dalam bilik kuliah, kampus dan hal-hal sosial lain. Beliau menuntut agar para penyelidik mengaitkan teori kepada amalan dengan cara yang lebih luas dan mempertimbangkan kumpulan sosial yang lebih luas, menggunakan satu set kaedah penyelidikan kualitatif yang lebih luas, dan mewujudkan asas politik yang lebih kukuh untuk mempertahankan kepentingan pelajar antarabangsa dalam dunia pasca-COVID-19. Zhou et al. (2008) pula berpendapat bahawa penyesuaian pedagogi pelajar antarabangsa dalam pendidikan tinggi adalah subset kepada kejutan budaya yang dialami. Pembolehubah dan proses interaktif dalam aspek pembelajaran budaya, tekanan dan cara mengatasinya dan pengenalan sosial perlu dikenal pasti untuk diterapkan dalam strategi pembelajaran.

Pada masa yang sama pasaran global bagi pendidikan antarabangsa semakin kompetitif. Oleh yang demikian sesebuah negara sebagai tuan rumah mesti terus menumpukan perhatian kepada pengalaman keseluruhan pelajar antarabangsa dengan meningkatkan penarafan kepuasan supaya mereka dapat mencadangkan pula pengalaman mereka kepada rakan-rakan atau institusi berkepentingan di negara asal (Qadeer et al., 2021). Menurut Smith (2020), landskap pendidikan antarabangsa pada masa kini sangat berbeza dari masa lalu dan mungkin akan terus berubah dan berkembang dengan ketara dalam masa terdekat. Faktor dan pengaruh daripada peristiwa seperti “Make America Great Again” yang diwar-warkan oleh Amerika Syarikat, “Brexit” yang berlaku di United Kingdom dan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mobiliti pelajar di Kanada, Australia dan banyak negara lain telah mewujudkan keperluan untuk sesebuah negara atau institusi untuk memikirkan semula strategi pengantarabangsaan khususnya hal-hal terperinci yang berlaku di dalam kampus. Semua pihak termasuk pentadbiran kanan, fakulti dan kakitangan dari seluruh institusi perlu menggabungkan usaha mereka untuk memastikan pengalaman pelajar antarabangsa adalah kukuh dan bermakna bagi menarik dan mengekalkan enrolment pelajar antarabangsa sejajar dengan kemampuan kewangan institusi dan risiko yang ditanggung (Lillyman dan Bennett, 2014).

Rumusannya dapat dinyatakan bahawa kehadiran pelajar antarabangsa menjadi dorongan kepada penjaan pendapatan dan penambahbaikan kualiti pendidikan bagi sesebuah negara dan institusi pendidikan. Pengalaman yang dilalui oleh mereka samada berkaitan pembelajaran atau kehidupan seharian menjadi faktor penting untuk hebahan institusi bagi memenangi persaingan mengekal dan meningkatkan enrolmen yang semakin kompetitif. Objektif kajian ini adalah untuk menilai pengalaman pelajar

antarabangsa semasa mengikuti pengajian di universiti swasta milik negeri di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu institusi pengajian tinggi khususnya di sektor swasta (IPTS) dan pihak-pihak berkepentingan bagi memperkemas kualiti perkhidmatan, penyampaian kurikulum, penganjuran aktiviti pelajar serta langkah-langkah promosi untuk menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Instrumen dan Metod Kajian

Lokasi kajian adalah di sebuah universiti swasta milik kerajaan negeri. Tempoh pengumpulan data adalah selama tiga minggu antara Ogos sehingga September 2022. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan. Pengumpulan data adalah menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada Ohio State University (2018) dan Equality Challenge Unit (ECU) (2012). Kajian asal di Ohio State University (OSU) adalah untuk mengkaji tahap penglibatan pelajar antarabangsa dan tempatan dalam kegiatan kokurikulum, kepimpinan, penyertaan dalam aktiviti kelab dan persatuan, menghadiri program anjuran fakulti dan universiti dan kesannya terhadap tingkahlaku 'sense of belonging' kalangan pelajar. Kajian oleh University of Glasgow (UoG) pula adalah untuk menilai kualiti perkhidmatan profesional dan sokongan, serta tahap permuafakatan dalam kampus dan komuniti setempat dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa dan tempatan.

Borang soal selidik yang digunakan bagi kajian ini hanya mengambil sebahagian daripada konstruk kajian yang telah dilakukan oleh kedua-dua universiti yang disebutkan di perenggan di atas. Soal selidik bagi kajian ini telah dipermudah dengan mempertimbangkan kesesuaian konteks di institusi kajian. Pembangunan soal selidik dibantu oleh seorang pakar berstatus Profesor Madya yang juga merupakan Pengarah kepada Pejabat Pelajar Antarabangsa serta seorang pegawai kanan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Amnya borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama mencatatkan 3 item mengenai latar belakang pelajar antarabangsa iaitu tempoh berada di Malaysia (tahun kemasukan), bidang pengajian (fakulti) dan negara asal (wilayah). Bahagian kedua mengandungi 30 item soalan yang mencakupi 7 konstruk kajian iaitu informasi awal sebelum ketibaan di Malaysia (4 item), perkhidmatan sokongan (6 item), kemudahan kokurikulum (3 item), hubungan dengan pelajar tempatan (3 item), peluang membina jaringan profesional (3 item), peranan ahli fakulti dan akademik (4 item) dan penerapan identiti institusi (7 item). Maklum balas bagi setiap item adalah berdasarkan skala Likert 5 mata. Pekali Alpha Cronbach digunakan untuk menentukan ketekalan atau kebolehpercayaan item kajian. Ini kerana pekali ini dikatakan sesuai untuk bidang sains sosial (Taber, 2018). Analisis bagi mendapatkan nilai pekali ini dibuat secara berasingan bagi setiap konstruk untuk memberi makna lebih tepat berbanding jika dinilai secara keseluruhan. Interpretasi bagi nilai Alpha Cronbach adalah berdasarkan kepada Kotian et al. (2022) seperti di *Jadual 1*, manakala nilai skor purata bagi setiap konstruk adalah seperti di *Jadual 2*.

Jadual 1. Tahap kebolehpercayaan instrumen berdasarkan nilai Alpha (Kotian et al., 2022).

Julat nilai Alpha Cronbach	Tahap kebolehpercayaan
<0.50	Konsisten yang tidak boleh diterima/lemah
0.50 hingga 0.64	Konsisten agak lemah/kurang baik
0.65 hingga 0.69	Konsisten yang marginal/serdana baik
0.70 hingga 0.79	Konsisten yang diterima/baik
0.80 hingga 0.89	Konsisten yang baik/sangat baik

>0.90

Konsisten tinggi/sangat-sangat baik

Jadual 2. Nilai skor bagi sesuatu konstruk berdasarkan skala Likert item kajian.

Julat skor purata	Tahap
1.0-1.8	Sangat rendah
1.9-2.6	Sangat rendah
2.7-3.4	Rendah
3.5-4.2	Tinggi
4.3-5.0	Sangat tinggi

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kebolehpercayaan instrumen

Nilai Alpha Cronbach bagi tujuh konstruk kajian adalah antara 0.583 (Kurang Baik) sehingga 0.885 (Sangat Baik). Menurut Barbera et al. (2021), nilai 0.7 lazimnya diterima tetapi tiada kesepakatan tentang nilai sebenar kerana ia bergantung kepada kehendak sesuatu kajian dan penjelasan yang diberi (Ursachi et al., 2015). Nilai Alpha tertinggi adalah bagi konstruk hubungan pelajar tempatan (0.885), perkhidmatan am (0.827) dan peranan fakulti dan ahli akademik (0.810), manakala nilai pekali terendah adalah untuk konstruk informasi awal sebelum tiba di Malaysia (0.583) (*Jadual 3*).

Jadual 3. Nilai pekali Alpha Cronbach bagi setiap konstruk kajian.

No.	Konstruk	Bil. item	Nilai Alpha Cronbach	Tahap kebolehpercayaan
1.	Informasi sebelum hadir ke Malaysia	4	0.583	Kurang baik
2.	Perkhidmatan am	6	0.827	Sangat baik
3.	Perkhidmatan kokurikulum	3	0.622	Sederhana baik
4.	Hubungan pelajar tempatan	3	0.885	Sangat baik
5.	Pembangunan profesional	3	0.771	Baik
6.	Peranan fakulti (staf akademik)	4	0.810	Sangat baik
7.	Identiti institusi	7	0.712	Baik

Latar belakang responden

Seramai 29 pelajar antarabangsa telah mengisi borang soal selidik. Maklumat responden ditunjukkan di *Jadual 4*. Responden terdiri daripada 11 pelajar senior iaitu telah berada bagi tempoh 5-6 tahun di Malaysia (39.9%), 7 pelajar pertengahan (3-4 tahun) (24.1%) dan 11 pelajar baru iaitu telah berada bagi tempoh 1-2 tahun di Malaysia (39.9%). Amnya program pengajian pilihan adalah bidang teknikal seperti pengkomputeran, kejuruteraan, sains hayat dan matematik, serta seni dan rekacipta iaitu seramai 23 pelajar (79.4%) berbanding hanya 6 pelajar (20.6%) untuk bidang sains sosial. Kesemua pelajar adalah berasal daripada negara-negara hemisfera selatan terutamanya daripada Afrika (17, 58.6%) dan Asia Tenggara (9, 31.0%) (*Jadual 4*).

Jadual 4. Latar belakang responden.

Tempoh di Malaysia			Pilihan program pengajian			Negara asal		
Tahun masuk	Bil.	Peratus (%)	Fakulti	Bil.	Peratus (%)	Wilayah	Bil.	Peratus (%)
2022	3	10.3	Pendidikan & Sains Sosial	5	17.2	Asia Tenggara	9	31.0
2021	8	27.6	Kejuruteraan	7	24.1	Asia Selatan	2	6.9
2020	1	3.4	Pengkomputeran	10	34.5	Afrika	17	58.6
2019	6	20.7	Sains Hayat & Matematik	2	6.9	Oceania	1	3.4
2018	8	27.6	Seni & Rekacipta	4	13.8	-	-	-
2017	3	10.4	Perniagaan & Perakaunan	1	3.4	-	-	-
Total	29	100	-	29	100	-	29	100

Nilai skor purata (mean) bagi setiap konstruk kajian ditunjukkan di *Jadual 5*. Skor tinggi diberikan kepada konstruk peranan fakulti dan ahli akademik (3.62) dan konstruk peluang membangunkan jaringan profesional (3.62), manakala 5 konstruk lain adalah sederhana iaitu identiti institusi (3.28), hubungan pelajar tempatan (3.18), perkhidmatan am (3.13), kemudahan kokurikulum (3.12) dan skor terendah adalah informasi sebelum hadir ke Malaysia (3.07).

Jadual 5. Skor purata (mean) bagi setiap konstruk kajian.

No.	Konstruk	Bil. item	Skor purata	Sisihan piawai	Varians
1.	Informasi sebelum hadir ke Malaysia	4	3.07	0.782	0.659
2.	Perkhidmatan am	6	3.13	0.902	0.814
3.	Kemudahan kokurikulum	3	3.12	0.905	0.821
4.	Hubungan pelajar tempatan	3	3.18	1.044	1.092
5.	Peluang membina jaringan profesional	3	3.62	0.902	0.815
6.	Peranan fakulti dan ahli akademik	4	3.62	0.836	0.699
7.	Identiti institusi	7	3.28	0.648	0.421

Skor perkhidmatan sokongan institusi kepada pelajar antarabangsa

Konstruk 1, 2, 3 dan 4 secara umumnya adalah merupakan perkhidmatan sokongan institusi kepada pelajar antarabangsa. Didapati skor sederhana terendah adalah informasi yang diberikan kepada pelajar antarabangsa sebelum mereka mendaftar di institusi khususnya yang berkaitan hal keluarga dan anak-anak (2.76). Bagi konstruk ke 2 iaitu perkhidmatan am untuk membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri di institusi, responden memberikan skor sederhana terendah kepada inisiatif untuk memberikan latihan dan kesedaran budaya serta langkah-langkah berhadapan diskriminasi (2.97), dan meningkatkan variasi makanan yang disediakan dalam kampus bagi memenuhi keperluan etnik, budaya dan agama yang berbeza (2.72). Skor sederhana terendah yang diberikan kepada konstruk ke 3 adalah berkaitan aktiviti sukan dan rekreasi serta penubuhan kelab dan persatuan untuk pelajar antarabangsa (2.97). Responden bagaimana pun memberikan skor yang baik kepada item pendedahan kepada industri (3.45). Bagi konstruk ke 4 iaitu pengantarabangsaan dalaman, responden memberikan skor sederhana terendah (2.97) kepada inisiatif institusi untuk mendedahkan pelajar antarabangsa berkaitan konvensyen sosial institusi pendidikan tinggi di Malaysia (*Jadual 6*).

Jadual 6. Skor purata (mean) penilaian terhadap perkhidmatan sokongan institusi.

Pernyataan	Skor purata	Sisihan piawai	Varians
K1. Menyediakan maklumat terperinci dalam talian mengenai penginapan yang tersedia.	3.28	1.066	1.135
K1. Memberi nasihat hak perumahan dan penyewaan yang lebih jelas untuk pelajar antarabangsa.	3.14	1.187	1.409
K1. Memberi maklumat tentang kedatangan ke institusi dengan keluarga dan anak-anak.	2.76	0.951	0.904
K1. Menyediakan acara dan aktiviti untuk membolehkan pelajar berasa selesa seperti di rumah dengan cepat.	3.14	1.432	2.052
K2. Memberi latihan mengenai kesedaran budaya dan bagaimana untuk menangani isu diskriminasi.	2.97	1.332	1.749
K2. Meningkatkan penyediaan pelbagai jenis makanan dari masakan yang berbeza untuk memenuhi kepelbagaian etnik, budaya, etika dan agama dengan lebih baik.	2.72	1.032	1.064
K2. Mengamalkan strategi antarabangsa serta memasukkan isu pengantarabangsaan ke dalam fungsi dan aktiviti.	3.10	1.291	1.667
K2. Memberi panduan mengenai perkhidmatan kesihatan tempatan.	3.55	1.298	1.685
K2. Menyediakan maklumat yang jelas untuk pelajar antarabangsa mengenai kesusahan atau dana kecemasan.	3.28	1.334	1.778

K2. Menyokong kerja bersepadu dengan jabatan lain termasuk kakitangan akademik.	3.21	1.082	1.170
K3. Bekerja secara proaktif dengan majikan tempatan.	3.45	1.021	1.042
K3. Mengkaji bagaimana pusat sukan, senaman dan riadah, kelab sukan dan kumpulan gabungan mengenai keperluan pelajar antarabangsa.	2.97	1.426	2.034
K3. Memastikan pelbagai perkhidmatan pelajar tersedia sepenuhnya dan relevan untuk semua peringkat pelajar antarabangsa.	2.97	1.117	1.249
K4. Menyediakan latihan kesedaran kebersamaan dan budaya yang berterusan untuk semua peringkat kakitangan universiti/fakulti.	3.34	1.143	1.305
K4. Menyediakan pelajar tempatan dengan peluang untuk mengembangkan kesedaran mereka tentang isu-isu kepelbagaian dan pemahaman tentang budaya yang berbeza dan kemahiran mereka untuk mencabar prasangka, stereotaip dan diskriminasi.	3.24	1.185	1.404
K4. Pertimbangkan untuk menyediakan sesi untuk membantupelajar i nternational belajar tentang konvensyen sosial di IPT Malaysia.	2.97	1.149	1.320

Peluang membina jaringan profesional

Skor purata (mean) bagi konstruk ini adalah agak baik. Responden memberikan skor tinggi kepada penglibatan dalam komuniti (3.55), dan jaringan profesional yang dibina khususnya melibatkan rakan-rakan dan profesional (3.45). Skor kedua-dua item ini sejajar dengan skor tertinggi yang diberikan kepada item pembangunan diri dan perolahan manfaat peribadi dan profesional (3.86) (*Jadual 7*).

Jadual 7. Skor purata (mean) penilaian terhadap peluang membina jaringan profesional.

Pernyataan	Skor purata	Sisihan piawai	Varians
Pembangunan diri. Faedah peribadi dan profesional.	3.86	1.060	1.123
Rangkaian. Berapa ramai rakan dan profesional yang akan anda hubungi selepas kembali ke negara masing-masing.	3.45	1.152	1.328
Penglibatan komuniti. Kualiti interaksi sebenar anda dengan rakan dan profesional.	3.55	1.055	1.113

Peranan fakulti dan ahli akademik

Skor purata (mean) bagi konstruk ini adalah baik. Responden memberikan skor tinggi kepada tiga item kajian iaitu pengalaman pembelajaran bersama (3.82), pendedahan kepada budaya (3.72) dan mempelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (3.62) (*Jadual 8*).

Jadual 8. Skor purata (mean) penilaian terhadap peranan fakulti dan ahli akademik.

Pernyataan	Skor purata	Sisihan piawai	Varians
Pertukaran budaya.	3.72	0.882	0.778
Pengalaman pembelajaran bersama.	3.83	1.002	1.005
Keinginan untuk mempunyai orang dewasa tambahan di dalam bilik darjah.	3.31	1.198	1.436
Keinginan untuk didedahkan kepada kurikulum dan amalan pengajaran yang berbeza.	3.62	1.083	1.172

Pemaparan identiti institusi dalam kalangan pelajar antarabangsa

Skor purata keseluruhan (mean) bagi konstruk identiti institusi adalah sederhana (3.28). Responden memberikan skor tinggi kepada item membina hubungan dengan rakan-rakan (3.59) serta ahli fakulti (3.72) dan dengan demikian bertambah matang melalui pengalaman di institusi (3.90). Bagaimana pun skor sederhana diberikan kepada item hubungan dengan staf universiti (3.21), rasa kepunyaan kepada institusi (3.11). Skor lebih rendah diberikan kepada penglibatan dalam tradisi institusi (2.55) dan perasaan sebagai ahli kepada komuniti di institusi (2.97) (*Jadual 9*).

Jadual 9. Skor purata (mean) bagi konstruk identiti diri pelajar antarabangsa.

Pernyataan	Skor purata	Sisihan piawai	Varians
------------	-------------	----------------	---------

Saya merasakan bahawa saya adalah ahli komuniti universiti.	2.97	1.052	1.106
Saya mempunyai hubungan dengan pelajar universiti lain.	3.59	1.211	1.466
Saya mempunyai hubungan dengan fakulti.	3.72	0.702	0.493
Saya mempunyai hubungan dengan kakitangan univesiti.	3.21	1.082	1.170
Saya telah membesar hasil dari pengalaman saya di universiti.	3.90	1.145	1.310
Saya mengambil bahagian dalam tradisi universiti.	2.55	1.055	1.113
Saya mempunyai perasaan kepunyaan kepada universiti.	3.11	0.994	0.988

Kolerasi antara kontruk kajian

Analisis korelasi Pearson's (r) seperti data ditunjukkan di Jadual 10 mendapati semua kontruk kajian tiada hubungan signifikan terhadap identiti institusi. Ia bermaksud elemen seperti informasi sebelum ketibaan, perkhidmatan sokongan am, kemudahan kokurikulum, hubungan dengan pelajar tempatan, peluang membangunkan jaringan profesional dan peranan fakulti dan ahli akademik tidak mempengaruhi perwatakan identiti institusi dalam kalangan pelajar antarabangsa. Nilai korelasi yang rendah iaitu antara +0.110 sehingga +0.327 adalah kemungkinan disebabkan oleh jumlah responden yang tidak mencukupi (n=29) (*Jadual 10*).

Jadual 10. Nilai kolerasi Pearson terhadap identiti diri pelajar antarabangsa.

No.	Konstruk	Nilai Kolerasi Pearson	Sig. (2-tailed)
1.	Informasi sebelum hadir ke Malaysia.	0.177	0.357
2.	Perkhidmatan am.	0.206	0.283
3.	Kemudahan kokurikulum.	0.327	0.084
4.	Hubungan pelajar tempatan.	0.246	0.199
5.	Pembangunan profesional.	0.197	0.307
6.	Peranan fakulti (staf akademik).	0.110	0.569

Maklum balas positif yang diberikan oleh pelajar antarabangsa terhadap pengalaman pembelajaran dalam kajian ini adalah hampir sama seperti dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji lain. Secara umumnya faktor persekitaran memainkan peranan penting bagi mempengaruhi pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa (Closs et al., 2022). Kajian oleh Ammigan dan Jones (2018) yang melibatkan pelajar antarabangsa di tiga buah negara iaitu di Australia, United Kingdom dan Amerika menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa berpuas hati dengan pengalaman keseluruhan ketika berada di negara-negara berkenaan. Skop penilaian mencakupi empat dimensi iaitu ketibaan, pembelajaran, kehidupan dan perkhidmatan sokongan. Skor tertinggi diberikan kepada pengalaman ketibaan, kehidupan seharian, pembelajaran dan akhirnya perkhidmatan sokongan. Laporan tahunan oleh Jabatan Pendidikan Australia menyokong dapatan kajian ini dengan menyatakan bahawa penarafan pelajar antarabangsa terhadap pengalaman pendidikan adalah kekal stabil antara 2014 dan 2019. Pengurangan skor mendadak pada tahun 2020 adalah kemungkinan disebabkan perubahan dan kekangan pembelajaran akibat daripada pandemik COVID-19 (Australian Government Department of Education, 2022). Bagaimanapun kajian oleh Qadeer et al. (2021) melaporkan bahawa pengalaman pendidikan dan bukan pendidikan pelajar antarabangsa adalah berbeza-beza iaitu dipengaruhi oleh faktor status pembangunan di negara asal mereka.

Hasil kajian ini sangat penting dan memberi impak besar kepada institusi kajian dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. Ini kerana menurut Hellstén dan Prescott (2004), kehadiran dan peningkatan pelajar antarabangsa tidak sangat dipengaruhi oleh faktor kapasiti dan kepakaran institusi tetapi lebih kepada amalan inklusif dan gaya komunikasi sensitif budaya. Pendedahan terhadap kehidupan masyarakat setempat merupakan antara aktiviti yang disyorkan (Tangit dan Din, 2022). Rasionalnya, jaminan terhadap pengajaran yang berkualiti dan penyediaan peluang

pembelajaran lanjutan hanya boleh disampaikan dan diterima apabila warga institusi dapat memahami budaya pelajar antarabangsa. Pandangan ini disokong oleh Ammigan et al. (2021) yang menyatakan bahawa pemboleh ubah yang berbeza dikenal pasti mempengaruhi tahap kepuasan pelajar antarabangsa, dan isu-isu berkaitan pengiktirafan dalam pekerjaan dan kerjaya pada asasnya penting untuk pelajar antarabangsa mencadangkan institusi kepada rakan-rakan dan agensi berkepentingan.

Bagi kajian ini pengkaji mencadangkan agar pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di universiti milik negeri didedahkan dengan aktiviti dan program pembangunan masyarakat yang dianjurkan oleh agensi-agensi negeri. Pengalaman yang diperoleh bukan sahaja untuk memahami budaya setempat dan membentuk personaliti pelajar malah lebih penting daripada itu adalah untuk memahami tujuan dan objektif asal pendidikan untuk membangunkan masyarakat dan negara. Selain itu institusi kajian disaran untuk menyusun semula struktur pengajian agar lebih fleksibel kepada pelajar antarabangsa untuk terlibat dengan aktiviti setempat secara terancang. Pejabat Pelajar Antarabangsa perlu lebih proaktif untuk mendekati fakulti dan bertindak sebagai perantara bagi memastikan pengalaman menyeluruh pelajar antarabangsa di dalam dan di luar waktu kuliah. Perkhidmatan yang ditawarkan perlu diperkemas dan diperluaskan dengan cara melihat pelajar antarabangsa sebagai sebuah keluarga berbanding individu. Maklumat pra ketibaan perlu lebih telus dikongsikan kepada para pelajar dalam konteks yang lebih praktikal bersandarkan kepada konsep pelajar antarabangsa sebagai warganegara apabila mereka berada di Malaysia. Dengan demikian ia akan mempermudah para pelajar antarabangsa untuk akses kepada capaian perkhidmatan agensi setempat dan nasional sekaligus menjadikan mereka 'feel at home' dengan lebih cepat dan selamat. Warga universiti harus perlu ada kesedaran untuk meletakkan kedudukan ahli keluarga mereka di luar negara bagi memahami dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelajar antarabangsa. Kajian lanjutan yang dicadangkan adalah untuk menilai kesediaan dan potensi masyarakat setempat untuk terlibat dalam membantu menerima pelajar antarabangsa bagi menerapkan nilai dan budaya tempatan kepada kalangan pelajara antarabangsa dengan cara yang lebih holistik dan menyeluruh.

Kesimpulan

Pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa di universiti swasta milik negeri adalah agak baik. Skor tinggi diberikan kepada aspek peranan fakulti dan ahli akademik serta peluang membina jaringan profesional. Skor sederhana diberikan kepada aspek perwatakan identiti institusi, permuafakatan dengan pelajar tempatan, perkhidmatan am, kemudahan kokurikulum dan skor sederhana terendah adalah informasi sebelum ketibaan di Malaysia. Tiada korelasi signifikan antara semua aspek kajian terhadap perwatakan identiti institusi dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Penghargaan

Pengumpulan data kajian dibantu oleh pelajar kohort K38 program Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) yang mengikuti kerja kursus Pendidikan Global dan Antarabangsa pada semester Ogos 2022 di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor.

Konflik Kepentingan

Kajian ini telah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap isu konflik kepentingan antara pihak-pihak terlibat. Kumpulan pengkaji tidak menerima sebarang imbuhan atau berada pada kedudukan yang dianggap mempunyai kepentingan terhadap keputusan kajian. Objektif asal kajian ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan pendidikan antarabangsa kepada sekumpulan pelajar. Penglibatan pelajar diselia oleh para pensyarah (penyelidik) dan diberikan markah berdasarkan kepada struktur pemarkahan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa akademik di institusi kajian. Dapatan kajian telah dibincangkan bersama para pelajar bagi maksud pencapaian hasil pembelajaran. Penglibatan responden iaitu para pelajar antarabangsa adalah secara sukarela. Tiada satu pihak yang terlibat dalam kajian ini menerima manfaat kewangan atau seumpamanya yang tidak diistiharkan pada ketika sebelum, semasa dan selepas kajian ini dilakukan. Dapatan kajian dikarang semula oleh kumpulan penyelidik untuk diterbitkan bagi tujuan ilmiah (untuk pembelajaran akan datang) dan tidak digunakan oleh mana-mana jabatan di institusi kajian bagi maksud promosi atau seumpamanya.

RUJUKAN

- [1] Ammigan, R., Dennis, J.L., Jones, E. (2021): The differential impact of learning experiences on international student satisfaction and institutional recommendation. – *Journal of International Students* 11(2): 299-321.
- [2] Ammigan, R., Jones, E. (2018): Improving the student experience: Learning from a comparative study of international student satisfaction. – *Journal of Studies in International Education* 22(4): 283-301.
- [3] Arora, P. (2019): International student mobility from China and India-the influence of Australian immigration policy, and institutional and family factors on post-graduation destination outcomes. – Swinburne University of Technology 260p.
- [4] Australian Government Department of Education (2022): 2021 International Student Experience Survey. – Australian Government Department of Education 87p.
- [5] Barbera, J., Naibert, N., Komperda, R., Pentecost, T.C. (2021): Clarity on Cronbach's Alpha Use. – *Journal of Chemical Education* 98(2): 257-258.
- [6] Bista, K., Sharma, G., Gaulee, U. (2018): International Student Mobility. – In *International Student Mobility and Opportunities for Growth in the Global Market*, Hershey, IGI Global 14p.
- [7] Castro, P., Woodin, J., Lundgren, U., Byram, M. (2016): Student mobility and internationalisation in higher education: Perspectives from practitioners. – *Language and Intercultural Communication* 16(3): 418-436.
- [8] Closs, L., Mahat, M., Imms, W. (2022): Learning environments' influence on students' learning experience in an Australian Faculty of Business and Economics. – *Learning Environments Research* 25(1): 271-285.
- [9] Deuchar, A. (2022): The problem with international students' 'experiences' and the promise of their practices: Reanimating research about international students in higher education. – *British Educational Research Journal* 48(3): 504-518.
- [10] Elken, M., Hovdhaugen, E., Wiers-Jenssen, J. (2022): Policy framing of international student mobility in the Nordic countries. – *Policy Reviews in Higher Education* 27p.
- [11] Equality Challenge Unit (ECU) (2012): Attracting international students: equitable services and support, campus cohesion and community engagement. – Great Britain 96p.
- [12] Hellstén, M., Prescott, A. (2004): Learning at university: The international student experience. – *International Education Journal* 5(3): 344-351.

- [13] Kotian, H., Varghese, A.L., Rohith, M. (2022): An R Function for Cronbach's Alpha Analysis: A Case-Based Approach. – *National Journal of Community Medicine* 13(8): 571-575.
- [14] Levent, F. (2016): The economic impacts of international student mobility in the globalization process. – *Journal of Human Sciences* 13(3): 3853-3870.
- [15] Lillyman, S., Bennett, C. (2014): Providing a positive learning experience for international students studying at UK universities: A literature review. – *Journal of Research in International Education* 13(1): 63-75.
- [16] Munna, A.S. (2022): International students' learning experience on global curriculum. – *Journal of Education* 202(3): 243-254.
- [17] Nada, C.I., Montgomery, C., Araújo, H.C. (2018): 'You went to Europe and returned different': Transformative learning experiences of international students in Portugal. – *European Educational Research Journal* 17(5): 696-713.
- [18] Nurhanum, S., Sahuri, S., Muhammad, R.N., Mat, N.S., Zainal, S.I., Selamat, S. (2022): International students' learning experiences in Malaysian universities. – *SPPT* 9p.
- [19] Ohio State University (2018): Student Life Survey: Engagement and Belongingness of Domestic and International Students. – The Ohio State University 11p.
- [20] Qadeer, T., Javed, M.K., Manzoor, A., Wu, M., Zaman, S.I. (2021): The experience of international students and institutional recommendations: A comparison between the students from the developing and developed regions. – *Frontiers in Psychology* 12: 1-13.
- [21] Smith, C. (2020): Rethinking education across borders. In *Rethinking Education Across Borders*. – Springer Singapore 268p.
- [22] Taber, K.S. (2018): The use of Cronbach's Alpha when developing and reporting research instruments in science education. – *Research in Science Education* 48(6): 1273-1296.
- [23] Tangit, T.M., Din, W.A. (2022): Enriching international students' experiences through the Local encounter: A sharing from Universiti Malaysia Sabah (UMS). – *SPPT* 15p.
- [24] Tavares, V. (2021): Theoretical perspectives on international student identity. – *Journal of Comparative & International Higher Education* 13(2): 83-97.
- [25] Ursachi, G., Horodnic, I.A., Zait, A. (2015): How reliable are measurement scales? External factors with indirect influence on reliability estimators. – *Procedia Economics and Finance* 20(15): 679-686.
- [26] Zhou, Y., Jindal-Snape, D., Topping, K., Todman, J. (2008): Theoretical models of culture shock and adaptation in international students in higher education. *Studies in Higher Education* 33(1): 63-75.